

KEW.PA-27

KENYATAAN JUALAN LELONGAN ASET ALIH KERAJAAN

Dimaklumkan bahawa **MAJLIS DAERAH KUALA PLAH** akan mengadakan jualan lelong aset seperti berikut:

Tarikh : **14 Mei 2018 (Isnin)**
Masa : **9.00 pagi**
Tempat : **Stor Ulu Maasop, Senaling**

2. Senarai aset yang akan dilelong adalah seperti di KEW.PA-27(A). Semua aset boleh dilihat pada tarikh **3 Mei 2018** hingga **11 Mei 2018** di **Stor MDKP, Ulu Maasop, Senaling Kuala Pilah** di antara jam **9.00 pagi** hingga **4.30 petang**.

3. Syarat dan peraturan lelong adalah seperti berikut:-

- (i) Aset akan dijual tertakluk kepada harga simpanan.
- (ii) Pembida yang berminat untuk menyertai lelongan, perlu mendaftar dengan Pegawai Pelelong dengan memberikan nama penuh, no. Kad Pengenalan dan alamat kepada Pegawai Pelelong semasa lelongan dilakukan serta membayar deposit sebanyak 5% daripada harga simpanan atau maksimum RM 1,000.00
- (iii) Penawar harga tertinggi adalah pembida yang Berjaya dan jika ada apa-apa perselisihan yang berbangkit mengenai penawar yang tertinggi, aset berkenaan akan dilelong semula.
- (iv) Jabatan berhak mengubah susunan jualan tersebut di senarai KEW.PA-27(A) dan menarik balik mana-mana aset daripada senarai tersebut.
- (v) Semua aset adalah dilelong sebagaimana keadaannya semasa dilihat (*as-is-where-is-basis*).
- (vi) Jabatan ini tidak akan bertanggungjawab ke atas aset yang telah dijual.
- (vii) Semua perbelanjaan bagi mengangkut aset hendaklah ditanggung oleh pembida sendiri.

- (viii) Pembida yang Berjaya hendaklah memberitahu nama penuh, no. Kad Pengenalan dan alamat kepada Pegawai Pelelong semasa jualan dilakukan.
- (ix) Pembayaran penuh hendaklah dibuat dalam tempoh tujuh hari dari tarikh lelongan.
- (x) Pembida yang Berjaya hendaklah mengambil aset dalam tempoh 14 hari dari tarikh lelong. Jika tidak, Jabatan berhak untk melupuskannya.
- (xi) Segala bayaran hendaklah dijelaskan sepenuhnya sebelum aset boleh dikeluarkan dari premis Jabatan.